

RAHSIA AL-QURAN - DARI SEGI ILMU DAN FALSAFAH

“Adakah kamu menyangka bahwa kamu akan masuk syurga (dengan begitu mudah) dengan tidak diuji oleh Allah akan orang-orang yang berbakti di antara kamu, dan mengetahui orang-orang yang berhati sabar?” teguran yang berterus-terang sedemikian ini telah dihalakan oleh Allah azza wa jalla kepada orang-orang Islam kita zaman dahulu – sahabat-sahabat Nabi yang pilihan, yang taat setia dan ahli ibadat yang soleh. Apa hal setengah orang-orang Islam kita zaman sekarang, yang terperdaya atau diperdayakan oleh faham-faham dan ajaran-ajaran sesat yang tidak datangnya daripada Allah dan Rasul-Nya?

AKHLAK YANG BURUK BUKAN HASIL PENDERITAAN!

(Oleh 'Abdullah Basmeh)

Sudah sewajibnya orang-orang Islam kita menimbang dan membanding kedudukan dan amal perbuatannya. Sahabat-sahabat Nabi (SAW) yang tinggi maqam dan martabatnya disebabkan amal-amal soleh dan kebaktian mereka yang cemerlang, lagikan menerima teguran supaya jangan terperdaya sementang mereka telah menjadi Islam, lagi sahabat Nabi pula, kerana syurga dan keredhaan Allah azza wa jalla tidak akan dapat dicapai dengan mudah, bahkan mesti dibayar dengan harga yang semahal-mahalnya; berjihad dan berbakti dengan tenaga, harta benda hatta jiwa di badan sekalipun.

Malangnya kebanyakan kita – dari peringkat rakyat membawa kepada raja – telah mengerjakan sebaliknya. Telah mendada dengan bongkak sompong, mengerjakan maksiat dan menodai

percampuran zaman ini dengan anak perempuan yang tiada mendapat pelajaran dan contoh-contoh demikian itu. Jika disamakan antara keduanya itu atau dibuat dengan meniru-niru sahaja dan tiada dengan cukup pedoman, nescaya boleh membawa rosak dan kacau.

Dengan ini tamatlah bahasan kita dengan perkara “mendidik anak-anak” dalam hal adab perangai dan budi pekerti yang mulia. Wa al-salām.

masyarakat sendiri dengan tidak berselindung lagi!

Apakah padahnya kelak? Jawabnya akan tersisih daripada mendapat rahmat Allah dan belas kasihan-Nya dan akan menjadi sasaran ghadab kemurkaan-Nya. Jelasnya akan berkekalan diperkotak-katikkan orang tanah air sendiri. Ditindas, diperhina dan dijajah, kerana biasanya maksiat itu membunuh semangat dan menjadikan hati gelap gelita, setelah pada “*Nūr al-Imān*” yang meneranginya.

Ada orang mengatakan, kejatuhan akhlak sesuatu bangsa ialah disebabkan susunan masyarakatnya tempang, tidak adil dan penuh dengan penderitaan! Tafsiran ini sesungguhnya tidak tepat dan menyalahi hakikat yang sebenarnya. Masyarakat yang penuh melimpah dengan kemewahan hidup – biarpun kemewahan itu meliputi tiap-tiap kepala – tidak akan menjadi jaminan bagi wujudnya akhlak dan kesopanan tinggi yang terpuji.

Kemakmuran dan kemewahan hidup di dalam sesuatu masyarakat biasanya akan berbuahkan akhlak yang buruk dan maksiat yang terdedah. Bacalah sejarah Qarun, sejarah Firaun, sejarah umat Islam setelah memuncak tinggi kebesarannya, bahkan sejarah umat kita di sini ketika harga getah melambung tinggi dan Malaya mengalami kemewahan rata-rata.

Bukan kemewahan hidup yang membentuk akhlak yang terpuji dan bukan pula penderitaan yang merosakkannya. Akhlak yang terpuji ialah hasil pimpinan rohani yang telah ditanam oleh datuk, dicontohi oleh anak dan diturut oleh cucu, demikian pula akhlak yang buruk. Masyarakat yang membelakangkan pimpinan rohani, yang tergamak membiarkan siaran agama terkongkong dalam kawasan yang sempit, yang tidak sanggup berkorban dengan tenaga dan wang ringgit kerana meninggikan “Kalimah Allah”, maka sudah tetap akhlak anak-anak masyarakat tersebut makin bertambah buruk dan makin terjerumus ke jurang yang hina.

Kerana contoh-contoh yang baik yang selayaknya menjadi ikutan telah hilang lenyap dan terhapus dari alam nyata.

Tuhan azza wa jalla telah menyatakan sifat orang-orang yang beriman di dalam kitab suci-Nya. Tanda-tanda iman, yang terbesar lagi jelas, ialah berpandu kepada kitab Allah al-Quran, mengembangkan siarannya, tahan menderita dan sanggup menerima ujian dalam masa bekerja menegakkan kebenaran yang dianjurkan dan kebajikan yang digalakkannya, termasuk di dalamnya berkorban dengan tenaga dan harta benda, hatta nyawa sekalipun. Orang-orang yang kuat tenaganya dan banyak hartanya yang telah dikurniakan oleh Allah tetapi bakhil menceruhkannya pada meninggikan agama Allah, maka imannya itu tidak ada harganya di dalam kitab Allah.

Orang Islam – kata al-‘Alāmah Rashīd Rīdā – yang berpandu kepada ibu bapa, kaum kerabat dan sahabat Hindi, yang menyangka dirinya akan masuk syurga kerana dia telah besar panjang di antara orang-orang Islam, dan redha menerima setengah daripada peraturan-peraturan agama yang mereka biasa mengerjakannya, dan berserah serta berharapkan syafaat orang-orang lain, sayogia membaca atau mendengar dan memenungkan teguran yang telah dihalakan oleh Allah kepada orang-orang Islam sahabat-sahabat Nabi yang pilihan dahulu.

Alim ulama kita janganlah hendaknya asyik membaca kitab-kitab yang berjilid-jilid tebalnya, menghabiskan masa kepada ilmu fiqh, dan berpada dengan ilmu yang berkenaan iman yang didapat daripada kitab-kitab Aqā’id “*al-Sanūsiyah*”, dan “*al-Nisfiyah*” kerana yang sebenarnya mata air yang memancarkan iman ialah kitab Allah al-Quran.

Raja-raja dan sultan-sultan kita pula, yang telah memegang kuasa agama, sayogia mengetahui bahawa ayat suci yang menjadi tajuk rencana ini adalah dihalakan kepada mereka sebagaimana orang lain juga.

Raja-raja kita – kata al-‘Alāmah Rashīd Rīdā lagi – yang memegang kuasa agama, elok kiranya mengurangkan sedikit tingkah sompong bongkak, dan sudi menderita sedikit dan berkorban kerana menegakkan agama Allah dengan wang ringgit, emas yang terpendam di dalam khazanah mereka, dan kebun ladang mereka yang melaut-laut itu. Kuasa agama yang dipegang oleh mereka adalah syaratnya yang utama ialah iman, dan sifat-sifat orang-orang yang beriman adalah terbentang dengan jelas di dalam kitab Allah. Raja-raja kita adalah bertanggungjawab sesudah menghidupkan sinaran iman di dalam diri mereka. Menghidupkannya pula di dalam diri rakyat-rakyatnya, dan menjadi contoh tauladan yang baik bagi sekalian rakyat; alimnya dan jahilnya, kayanya dan miskinnya. Raja-raja kita adalah bertanggungjawab menjadi pemimpin “*Hudā wa Nūr*” – pemimpin yang baik yang membawa pertunjuk yang cemerlang, bukannya pemimpin “*Dalālat wa Fajūr*” – pemimpin yang jahat, yang menyesatkan dan menabur maksiat!

Penyakit-penyakit masyarakat yang berjangkit dan besar bahayanya inilah yang wajib dicabut akar umbinya. Kalau kita betul hendak membentuk suatu umat yang sihat gagah, penuh hatinya dengan iman, yang akan berjuang terus menerus merebut kemerdekaan tanah air dan menegakkan kedaulatan bangsa dan agama!